

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING  
[BANGI]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021**

**SOALAN**

**Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kemajuan mengenai ratifikasi RCEP dan CPTPP dan apakah rancangan untuk memulakan semula rundingan dengan EU untuk FTA.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang telah ditandatangani oleh Malaysia pada 15 November 2020, merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*) di antara negara-negara anggota ASEAN dan lima (5) Rakan Dialog ASEAN iaitu Australia, Republik Rakyat China, Korea, Jepun dan New Zealand. RCEP akan berkuatkuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) buah negara anggota ASEAN dan tiga (3) Rakan Dialog meratifikasi Perjanjian tersebut. Pada masa ini, Republik Rakyat China, Jepun dan Singapura telah meratifikasi RCEP dan adalah dijangka Perjanjian ini akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022.

Bagi Malaysia pula, Kerajaan sedang melaksanakan usaha-usaha ke arah meratifikasi RCEP. Bagi tujuan itu, untuk melengkapkan proses ratifikasi ini, tiga (3) Akta di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang berkaitan hak harta intelek iaitu Akta Paten 1983 (*Patents Act 1983*), Akta Hak Cipta 1987 (*Copyright Act 1987*) dan Akta Cap Dagangan 2019 (*Trademarks Act 2019*) perlu dipinda. Ini adalah bagi memastikan ketiga-tiga Akta tersebut adalah sejajar dengan komitmen dan obligasi negara di bawah Perjanjian RCEP. Dalam hal ini, MITI telah dimaklumkan oleh pihak KPDNHEP bahawa draf pindaan bagi kesemua Akta ini sedang diperhalusi oleh Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen, pada Disember tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik, atau dengan izin, *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* pula merupakan sebuah FTA di antara 11 buah negara anggota di rantau Asia Pasifik yang telah ditandatangani oleh Malaysia pada 8 Mac 2018. Perjanjian CPTPP telahpun berkuatkuasa pada

## SOALAN NO : 34

30 Disember 2018 bagi enam (6) buah negara iaitu Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura. Viet Nam merupakan negara ketujuh yang menguatkuasakan Perjanjian ini pada 14 Januari 2019.

Terkini, Peru menjadi negara kelapan yang menguatkuasakan Perjanjian CPTPP pada 19 September 2021. Perjanjian CPTPP masih lagi belum diratifikasi dan dikuatkuasakan oleh baki tiga (3) buah negara anggota, iaitu Brunei Darussalam, Chile dan Malaysia.

Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, tiga tahun yang lalu, pada 5 September 2018, Jemaah Menteri telah bersetuju agar Malaysia meratifikasi Perjanjian CPTPP, tetapi tidak menetapkan sebarang tarikh atau garis masa untuk negara berbuat demikian.

Penguatkuasaan Perjanjian CPTPP kini sudah memasuki tahun ketiga. Ini juga bermakna bahawa sepanjang tiga tahun ini, Malaysia telah ketinggalan bukan sahaja dalam menikmati faedah dan layanan keutamaan, dengan izin preferential *treatment* yang ditawarkan oleh lapan (8) negara yang telah menguatkuasakan Perjanjian CPTPP, tetapi juga kerjasama dari segi program bina upaya dan bantuan teknikal yang ditawarkan di bawah Perjanjian ini.

Pada hari ini, kita dapat perhatikan banyak negara telah menunjukkan minat untuk menyertai CPTTP, yang dilihat menawarkan pelbagai manfaat ekonomi kepada anggota-anggotanya. Pada 1 Februari 2021, United Kingdom (UK) menjadi negara pertama memohon secara rasmi untuk menyertai Perjanjian CPTPP. Dalam hal ini, sebagai negara yang masih belum meratifikasi Perjanjian CPTPP, penglibatan Malaysia dalam rundingan kemasukan, atau dengan izin, *accession negotiations*, di antara UK dan CPTPP, adalah sangat terhad.

Selain daripada UK, Republik Rakyat China dan Taiwan telah turut memohon secara rasmi untuk menyertai CPTPP baru-baru ini. Negara-negara lain seperti Republik Korea, Thailand dan Filipina juga telah secara terbuka menyuarakan hasrat untuk menyertai Perjanjian CPTPP. Oleh yang

## SOALAN NO : 34

demikian, ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah konkrit bagi membolehkan Malaysia meratifikasi CPTPP dalam kadar segera.

Antara lain, Kerajaan telah mempergiatkan usaha bagi melengkapkan pindaan ke atas Akta-akta yang berkaitan, bagi membolehkan Malaysia meratifikasi Perjanjian CPTPP. Berdasarkan teks perjanjian sedia ada, Malaysia perlu meminda sebanyak 14 Akta sebelum Perjanjian CPTPP boleh diratifikasi dan dikuatkuasakan oleh Malaysia. Pindaan ini bukan sahaja bagi mematuhi obligasi di bawah CPTPP, malahan juga dilihat amat penting dalam pembaharuan di peringkat domestik bagi memastikan undang-undang di Malaysia dikemaskini dan selaras dengan perjanjian dan norma-norma antarabangsa.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) Akta di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen yang mana kesemua Akta ini telah diselaraskan dengan mengambilkira komitmen Malaysia di bawah Perjanjian CPTPP. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981;
- (ii) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
- (iii) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966;
- (iv) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990;
- (v) Akta Perhubungan Perusahaan 1967; dan
- (vi) Akta Cap Dagangan 1976.

Senarai baki lapan (8) Akta yang masih perlu dipinda dan diluluskan di Parlimen adalah seperti berikut:

Kementerian Sumber Manusia

- (i) Akta Kerja 1955;
- (ii) Akta Kesatuan Sekerja 1959;
- (iii) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67);
- (iv) Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76);

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

- (i) Akta Petunjuk Geografi 2000;
- (ii) Akta Paten 1983;
- (iii) Akta Hak Cipta 1987; dan

Kementerian Komunikasi dan Multimedia

- (i) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan rundingan FTA di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah yang dimulakan pada tahun 2010, ianya telah ditangguhkan pada tahun 2012 berikutan kegagalan kedua-dua pihak mencapai kesepakatan bagi meneruskan perbincangan berkaitan isu-isu sensitif seperti Perolehan Kerajaan (*Government Procurement*), Dasar Bumiputera, Hak Harta Intelekt dan isu Halal. Selain itu, permintaan pihak EU agar mereka diberi layanan yang lebih baik berbanding dengan komitmen Malaysia di dalam CPTPP tidak dapat dipenuhi oleh Malaysia.

Malah, semasa pertemuan di antara MITI dan Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Peguam Negara, kesemua agensi ini telah menegaskan bahawa mereka tidak bersetuju dengan permintaan daripada EU untuk mendapat layanan yang melebihi komitmen Malaysia di dalam CPTPP.

## SOALAN NO : 34

Justeru itu, Jemaah Menteri pada 18 September 2019 telah bersetuju untuk menandatangani rundingan FTA dengan EU sehingga Malaysia benar-benar bersedia untuk membincangkan kesemua permintaan daripada pihak EU. Ini membuktikan Kerajaan mengambil berat dan bertanggungjawab untuk memastikan setiap FTA yang disertai oleh Malaysia akan memberi impak positif kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Pada tahun lepas, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menganjurkan beberapa sesi libat urus bersama pihak industri dan pemegang taruh untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas terkini daripada mereka berkaitan Malaysia-EU FTA. Hasil daripada sesi libat urus tersebut, majoriti daripada responden berharap agar Malaysia dan EU dapat menyambung semula rundingan FTA kerana berpandangan ia akan meningkatkan daya saing industri, meluaskan akses pasaran dan meningkatkan aktiviti perdagangan yang terjejas sejak skim *Generalised Scheme of Preferences* (GSP) yang sebelum ini ditawarkan oleh EU, ditamatkan pada 31 Disember 2013. Sistem GSP EU ini menawarkan layanan keutamaan bagi eksport Malaysia di pasaran EU, sejak Januari 2006. Walau bagaimanapun, apabila Malaysia disenaraikan sebagai *upper middle income economy* oleh Bank Dunia selama tiga tahun berturut-turut, layanan GSP ini telah dihentikan oleh EU. Oleh yang demikian, sejak 1 Januari 2014, kesemua eksport Malaysia ke EU tidak mendapat sebarang layanan keutamaan.

Walaupun bagaimanapun, keputusan samada untuk menyambung semula atau pun tidak rundingan FTA dengan EU, hanya akan dibuat setelah pihak Kerajaan meneliti semua perkara yang berkaitan dengan FTA ini, termasuk kesukaran dan cabaran yang bakal dihadapi dalam menangani permintaan EU kelak, khususnya yang berkaitan dengan Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek dan Halal.

Sekian, terima kasih.